

04/05/1998

PM mahu atlit kita banyak berkorban

Lukman Salleh

ATLIT Jaya '98 dituntut supaya berkorban serba-serbi dalam tempoh empat bulan berikuit menuju Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI sambil mengetepikan segala keseronokan yang boleh menjejaskan prestasi mereka.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata anggota kontinjen negara harus memastikan diri berada pada tahap kecergasan yang tinggi untuk bertanding serta bersaing dengan jaguh Komanwel dalam temasya dari 11 hingga 21 September ini.

Perdana Menteri menambah, sekalipun tidak dapat menjadi juara keseluruhan Sukan Komanwel, atlit negara mesti memungut seberapa banyak pingat emas, perak dan gangsa.

"Dari hari ini hingga tamat Sukan Komanwel, atlit hendaklah tumpukan 100 peratus daripada tenaga dan masa mereka kepada persediaan supaya mereka akan capai kejayaan pada hari pertandingan."

"Segala kegiatan keseronokan dan lain-lain yang tidak akan menyumbang kepada kejayaan, haruslah diketepikan. Saya yakin bahawa semangat mereka sudah cukup tinggi."

"Selain itu, latihan haruslah diadakan bertalu-talu dan berkali-kali supaya pada hari pertandingan mereka akan berada dalam keadaan kesihatan 100 peratus, cukup untuk pastikan kita mencapai kejayaan."

"Atlit kita bukan saja berlawan dan bersaing tetapi berjuang untuk memajukan diri kerana kemenangan mereka adalah kemenangan bagi negara kita," katanya ketika berucap di majlis perjumpaan perdana dengan sukarelawan Sukan Komanwel (Nadi '98) di Pusat Pameran Mines, Seri Kembangan, semalam.

Dr Mahathir turut melancarkan Kad Cenderamata KL '98 dan pakaian seragam sukarelawan Nadi '98 di majlis itu yang dihadiri lebih 5,000 sukarelawan.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, dan Pengerusi Eksekutif Sukom Ninety Eight Berhad (Sukom '98), Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali.

Sebelum ini, Perdana Menteri dalam perutusannya sempena perasmian Sukan Malaysia (Sukma) VII di Selangor, pertengahan bulan lalu, turut membuat ingatan supaya ahli sukan menghargai pelaburan besar kerajaan dalam lapangan berkenaan.

Program latihan atlit untuk Sukan Komanwel 1998 yang dikendalikan oleh Majlis Sukan Negara (MSN) memperuntukkan RM160 juta.

Dr Mahathir berkata sebagai tuan rumah Sukan Komanwel XVI, negara tidak seharusnya tertinggal di belakang dalam pungutan pingat.

"Kita sedar bahawa bentuk badan orang Malaysia tidak besar seperti orang Afrika yang besar, tinggi dan kaki mereka panjang tetapi ada jenis-jenis sukan yang boleh kita menang."

"Dalam angkat berat, badminton, tinju dan lain-lain, kita masih ada peluang untuk menang, begitu juga dalam renang kita masih boleh pungut pingat."

"Oleh itu, atlit kita tidak harus kecewa kerana mereka tidak mempunyai tubuh badan yang besar seperti lawan-lawan mereka dari Afrika ataupun negara lain," katanya.

(END)